

**DATE** : 15 October 2012  
**PUBLICATION** : Yahoo! News Malaysia  
**SECTION** : -  
**HEADLINE** : Syarikat-Syarikat Maybank Jangka Urus Aset Rm37 Bilion Menjelang 2015

---



### **Syarikat-Syarikat Maybank Jangka Urus Aset Rm37 Bilion Menjelang 2015**

KUALA LUMPUR, 15 Okt (Bernama) -- Syarikat-syarikat pengurusan aset Maybank dijangka mendapat dan menguruskan aset bernilai sehingga RM37 bilion menjelang 2015, kata Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan Maybank Asset Management Sdn Bhd, Nor" Azamin Salleh.

Aset yang diurus juga diunjur berkembang sebanyak 50 peratus setiap tahun sejajar dengan matlamat syarikat menjadi peserta utama dalam industri itu di Asia menjelang 2017.

"Kami bekerjasama rapat dengan Maybank Kim Eng untuk menyediakan asas kukuh dalam perniagaan ini bagi menyokong pelan pertumbuhan kami," katanya dalam satu kenyataan hari ini.

Maybank menyatukan semua perniagaan pengurusan asetnya di bawah satu bumbung, iaitu Maybank AM dan Maybank Ventures di Malaysia, KE Capital Partners di Singapura, Kim Eng Asset Management di Thailand dan ATR Kim Eng di Filipina.

Penyatuan itu akan membolehkan tumpuan lebih padu di samping memanfaatkan ekonomi bidangan, mencapai proses kerja kolektif yang efisien dan meningkatkan capaian Maybank di seluruh rantau ini.

Azamin berkata rantau Asia merupakan pilihan jelas memandangkan prospek positif kemampuan dan potensi peningkatan ekonominya ditambah dengan jangkaan permintaan tinggi bagi produk pelaburan.

"Pengurus aset antarabangsa datang berduyun-duyun ke Asia di mana terdapat peluang pertumbuhan ketara.

"Pelabur seluruh dunia beralih ke Asia dan Asean khususnya, sebagai syurga bagi pelaburan," katanya.

Azamin berkata Maybank Asset Management yakin Asia secara keseluruhannya boleh mengukuhkan pertumbuhan pada kadar sederhana meskipun pertumbuhan perlahan ekonomi China, India dan ekonomi mengeksport utama lain.

"Ini disokong oleh unjuran pertumbuhan positif pada awal 2012 bagi industry pengurusan aset Asia kecuali Jepun yang berkembang sehingga US\$4 trilion pada 2015," katanya. --BERNAMA